

23/11/1997

Malaysia tiada hasrat bertindak balas terhadap AS

KEPALA BATAS: Malaysia tidak berhasrat mengambil tindak balas yang boleh menjejaskan hubungannya dengan Amerika Syarikat semata-mata kerana 34 anggota kongres negara itu mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meletak jawatan.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerajaan sebaliknya akan terus mengekalkan hubungan dua hala dengan Amerika, tetapi pada waktu yang sama pemimpin dan rakyat negara ini juga bertanggungjawab menunjukkan sikap membantah apabila pemimpin negara luar campur tangan dalam urusan negara ini.

Sehubungan itu, katanya, rakyat Amerika perlu memahami tindakan yang dilakukan Ahli Kongres berkenaan tidak akan menjejaskan hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat berkaitan projek membaik pulih sistem perparitan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bertam di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Prai Utara (SPU) di sini, semalam.

Sebelum itu, beliau merasmikan Khemah Ibadah/Kem Jaya Diri Remaja daerah SPU di Kompleks Permatang Manggis.

Abdullah berkata, Duta Malaysia di Amerika yang lebih memahami reaksi pemimpin dan rakyat negara ini berhubung perkara itu, boleh memaklumkan kedudukan sebenar kepada Ahli Kongres terbabit.

Beliau berkata, rakyat negara ini wajar menunjukkan sikap membantah terhadap tindakan Ahli Kongres Amerika Syarikat itu kerana ia terbukti sebagai tindakan untuk menunjuk ajar pemimpin negara ini.

"Saya memahami reaksi rakyat negara ini yang menunjukkan sifat sayang kepada Perdana Menteri dan tidak mudah menerima campur tangan negara luar, terutama kuasa besar seperti Amerika," katanya.

(END)